

Majlis Fatwa Kebangsaan kaji secara menyeluruh

KUALA LUMPUR 29 Jun - Kajian Majlis Fatwa Kebangsaan berhubung kesan menghisap shisha dijalankan secara menyeluruh dengan melibatkan pandangan pakar kesihatan.

Pengerusinya, Prof. Emeritus Tan Sri Dr. Abdul Shukor Husin berkata, kajian itu turut mengambil kira hukum menghisap shisha yang diguna pakai di negara-negara Asia Barat seperti Arab Saudi dan Mesir.

Menurut beliau, Majlis Fatwa Kebangsaan akan membuat keputusan selepas kajian yang kini pada peringkat akhir itu selesai.

“Langkah seterusnya bergantung kepada jawatankuasa fatwa negeri untuk mengambil kira pandangan Majlis Fatwa Kebangsaan jika bersesuaian.

“Dalam hal ini, Majlis Fatwa Kebangsaan hanya boleh mengeluar-

INFO

Bahaya Shisha



■ Menurut Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), shisha mengandungi bahan yang 400 kali lebih berbahaya daripada rokok.

■ Shisha dalam bahasa Arab merujuk kepada rasa tembakau yang digunakan dalam proses merokok menggunakan hookah, juga dikenali 'gelembung Hubble' dan narghile.

Mengandungi **karbon monoksida, nikotin dan tar** dalam jumlah lebih tinggi.

Menghisap shisha juga dikatakan lebih **berbahaya** daripada menghisap sebanyak **102 batang rokok**.

Seorang penghisap shisha akan menyedut sebanyak **50-200** kali atau bersamaan **0.15-1** liter asap selama **20-80** minit.

Asap shisha juga merupakan **bahan toksik dan satu paip** bersamaan dengan **40 batang rokok**.

Boleh mendatangkan **risiko** penyakit berkaitan sistem pernafasan seperti **bronkitis kronik, emphysema (bronchiaectasis)** dan **kanser paru-paru**.



kan pandangan, namun tindakan penguatkuasaan terletak di bawah pihak berkuasa negeri,” katanya ketika dihubungi *Mingguan Malaysia*

di sini hari ini.

Abdul Shukor mengulas keputusan Jawatankuasa Fatwa Perlis mengharamkan kegiatan menghisap

dan menjual shisha kerana mendatangkan kemudaratan yang lebih teruk berbanding rokok.

Selain Perlis, langkah penghara-



SHUKOR HUSIN

man itu turut dilaksanakan kerajaan negeri Melaka sejak 2009.

Mengulas lanjut, Abdul Shukor memberitahu, secara dasarnya, Islam tidak membenarkan

umatnya melakukan perbuatan yang boleh menjejaskan kesihatan, ekonomi dan alam sekitar.

“Kita mengalu-alukan keputusan Jawatankuasa Fatwa Perlis itu dan percaya dibuat dengan berpandu-kajian saintifik,” ujarnya.